

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, October 8, 2019 9:50 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Atlet Golf UUMNGA Cemerlang Diraikan Naib Canselor



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

8 OKTOBER 2019 / 9 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah & Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Mohd Fuad Hamid

ATLET GOLF UUMNGA CEMERLANG DIRAIKAN NAIB CANSELOR



UUM ONLINE: Kejayaan tiga pelajar atlet golf UUM dalam pelbagai kejohanan baru-baru ini telah diraikan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, tengah hari tadi.

Dalam pertemuan bersama atlet golf UUM, beliau berkata, semua atlet dari Akademi Golf perlu mempamerkan aksi lebih cemerlang sekurang-kurangnya berada dalam kategori Top 5 dalam usaha menjulang nama universiti dan akademi di persada antarabangsa.

Menurutnya, beliau berharap Akademi Golf menjadi sebuah akademi yang bukan sahaja melahirkan pemain yang memiliki ijazah selepas empat tahun pengajian, malah turut cemerlang dalam arena sukan golf.

"Saya mahu akademi ini menjadi sebuah akademi bertaraf dunia dan semua pemain harus berkorban masa dan tenaga untuk bersama-sama merealisasikan hasrat universiti ini.

"Sekarang atlet golf sudah dikenali di peringkat Universiti ASEAN dan saya mahu UUM gah di peringkat Asia pula dengan kejayaan pemain golf dari Akademi Golf Nasional UUM (UUMNGA)," katanya pada Majlis Naib Canselor Bersama pelajar Atlet Golf UUM.

Selain itu, katanya, akademi juga harus memainkan peranan dengan memberi tunjuk ajar kepada pemain dalam pelbagai aspek bukan sekadar tertumpu pada kemahiran bermain, malah aspek mental bagi menghadapi perasaan gementar dan tekanan dalam kejohanan.

Pada majlis tersebut, Naib Canselor turut menyampaikan kit baju baharu kepada pelajar UUMNGA dan hadiah kepada tiga pemain golf yang telah berjaya merebut kejuaraan dalam beberapa kejohanan iaitu Ruhanraj Vinayagam dalam Kejohanan Golf Amatur Pahang kali ke 16 2019, Umar Khushairi Mohammad Kamal dalam Kejohanan RPGC-Taiwan Fructose Junior Golf Championship 2019 dan Muhammad Ikhmal Basry dalam Kejohanan New Era Hainan Junior Golf Tour 2019 (Malaysia Leg).

Sementara itu, Pengarah UUMNGA, Prof. Madya Dr. Azman Yasin berkata, beliau berterima kasih kepada pihak pengurusan universiti terutama Naib Canselor di atas sokongan padu diberikan yang telah membakar semangat pemain bagi memastikan nama universiti terus gemilang di peringkat tertinggi.

Menurutnya, beliau menyifatkan pelajar ini hadir tepat pada masanya bagi membuktikan kepada pesaing bahawa pelajar golf UUMNGA mampu menggegarkan arena sukan golf tempatan.

"Saya berharap aksi cemerlang beberapa pelajar AGNUUM dalam siri jelajah golf kebangsaan turut mendapat perhatian Majlis Sukan Negara dan Malaysia Golf Association (MGA) agar mereka mendapat peluang bagi mewakili negara ke kejohanan antarabangsa termasuk Sukan Asia Hangzhou 2022 nanti," katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.